

Gelandangan dijangka kembali bertambah

# DBKL rancang pelan selesai isu gelandangan

Langkah elak golongan terdedah  
ancaman terutama ketika COVID-19

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
mohd\_iskandar@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merangka pelan penyelesaian muktamad bagi menangani isu gelandangan di ibu negara, sekali gus menyelamatkan mereka.

Datuk Bandar, Datuk Mahadi Che Ngah, berkata pihaknya berbincang dengan pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkenaan bagi mencari penyelesaian membantu golongan terbabit.

Katanya, DBKL sentiasa bersedia menyelamatkan golongan berkenaan lebih-lebih lagi dalam tem-

poh mencabar susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Isu gelandangan adalah masalah bandar dan mereka juga manusia biasa seperti kita yang perlu diselamatkan, lebih-lebih lagi dalam keadaan COVID-19 ini.

"Justeru, DBKL mahu mencari penyelesaian isu ini kerana tidak mahu mereka terdedah kepada ancaman disebabkan hidup ber-gelandangan.

"Antara perancangan kita adalah menggunakan pakai sepenuhnya pusat khidmat gelandangan sedia ada seperti di Medan Tuanku dengan menyediakan lebih banyak

ruang sebagai tempat tidur," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Mahadi berkata, pihaknya merancang mengagihkan katil mudah alih kepada golongan terbabit supaya mereka dapat tidur dengan lebih selesa di pusat gelandangan disediakan.

"Hasrat kita supaya mereka tidak lagi berkeliaran dan dapat tempat tinggal sementara sebelum kembali berdikari," katanya.

Beliau berkata, DBKL juga akan mengaktifkan pasukan bagi meninjau kawasan tumpuan gelandangan sebelum menyelamatkan mereka dan dibawa ke pusat khidmat gelandangan.

Katanya, kelmarin DBKL menyelamatkan seramai 199 gelandangan di sekitar ibu negara dan menghantar mereka ke pusat

khidmat sedia ada.

"Daripada jumlah itu, sembilan positif COVID-19 hasil ujian saliran dilakukan dan mereka dihantar ke pusat komuniti di Setiawangsa untuk dikuarantin dengan pengawasan Kementerian Kesihatan (KKM)," katanya.

BH semalam melaporkan peningkatan bilangan gelandangan kesan pelaksanaan PKP dijangka pada Mac tahun lalu, dijangka berulang sepanjang tempoh pengukuasaan sama kali ini.

Perkara itu dimaklumkan Pengarah Operasi Kkechara Soup Kitchen (KCS), Justin Cheah berdasarkan data dikumpul pihaknya yang mendapat hanya 30 peratus daripada gelandangan di ibu kota kota, manakala bakinya adalah mereka yang berhijrah ke Kuala Lumpur.



**Antara perancangan kita adalah guna pakai sepenuhnya pusat khidmat gelandangan sedia ada seperti di Medan Tuanku dengan menyediakan lebih banyak ruang sebagai tempat tidur.**

**Mahadi Che Ngah,  
Datuk Bandar Kuala Lumpur**